IKLAN BIL 14 TAHUN 2026

JAWATAN KOSONG DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA

A. Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Lembaga Getah Malaysia dalam jawatan seperti berikut:

BIL.	JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	ELAUN	KEPERLUAN BIDANG	LOKASI
1.	Pegawai Tadbir Gred N9	Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM2,250.00 Maks : RM11,110.00	RM 900.00	-Perundangan	- Kuala Lumpur
2.	Penolong Jurutera Gred JA5	Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,650.00 Maks : RM6,620.00	RM 810.00	- Kejuruteraan Elektrikal - Kejuruteraan Elektronik - Kejuruteraan Mekatronik	- Lembah Klang (Kuala Lumpur / Sg. Buloh, Selangor)
3.	Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q5	Tetap / Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,650.00 Maks : RM6,620.00	RM 810.00	-Penyelidikan dan Pembangunan	- Lembah Klang (Kuala Lumpur / Sg. Buloh, Selangor) - Sik, Kedah - Bukit Ibam, Pahang - Kota Tinggi, Johor
4.	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W1	Tetap	Min : RM1,500.00 Maks : RM4,680.00	RM 765.00	- Akaun dan Kewangan	- Kuala Lumpur
5.	Pembantu Khidmat Am Gred H1	Tetap / Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,500.00 Maks : RM4,680.00	RM 715.00 - RM 750.00	- Penyelenggaraan Ladang - Penorehan Pokok Getah	- Jasin, Melaka - Sg. Sari, Kedah - Sik, Kedah - Bukit Ibam, Pahang - Kota Tinggi, Johor
6.	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N1	Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,500.00 Maks : RM4,680.00	RM 715.00	- Pentadbiran dan Sokongan	- Kluang, Johor - Sg. Petani, Kedah

TARIKH IKLAN DIBUKA : 23 NOVEMBER 2026

B. SYARAT UMUM

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 56 tahun pada tarikh tutup permohonan.

C. SYARAT-SYARAT KHUSUS

Syarat-syarat khusus adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

D. TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan jawatan kosong boleh dikemukakan dengan mengisi borang secara dalam talian melalui pautan pada setiap maklumat jawatan di **LAMPIRAN A.**
2. **Pemohon hendaklah memastikan bahawa syarat-syarat yang dinyatakan di LAMPIRAN A untuk jawatan yang ingin dipohon adalah dipenuhi sebelum mengemukakan permohonan.**
3. Permohonan **tidak perlu dicetak / dipos ke LGM**.
4. Pemohon hendaklah memastikan semua **maklumat** adalah **tepat dan terkini** semasa permohonan dibuat.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 06 DISEMBER 2026 (11.59 Malam)

CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga. Walau bagaimanapun, Pengurusan Tertinggi LGM berhak untuk mengecualikan mana-mana syarat lantikan yang telah ditetapkan.

2. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Unit Pembangunan Sumber Manusia/ Seksyen Perjawatan di talian 03-9206 2000:
   i. Cik Nur Hafizah binti Mohd Arifin (ext : 2205)
   ii. Cik Nur Faiqah binti Jasmi (ext : 2205)
   iii Encik Haszrul Naim bin Abdul Halim (ext : 2204)

*****

No. Rujukan LGM : Bil. 14/2026 **LAMPIRAN A**

JAWATAN 1

JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	ELAUN	KEPERLUAN BIDANG	LOKASI
Pegawai Tadbir Gred N9	Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM2,250.00 Maks : RM11,110.00	RM 900.00	-Perundangan	-Kuala Lumpur

i.	**SYARAT LANTIKAN**	**:**	a) **Ijazah Sarjana Muda** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan N9: RM2,250.00); atau b) **Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan N9: RM2,470.00).
ii.	**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**	**:**	Calon hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM.
iii.	**KEPERLUAN TAMBAHAN**		a) Keutamaan diberikan kepada calon yang : i. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang diperlukan dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00; ii. Mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Inggeris, Matematik dan salah satu subjek berkaitan Sains pada peringkat SPM; dan b) Hanya calon yang telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda/Sarjana yang diiktiraf dan disahkan oleh senat/jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan sahaja layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.
iv.	**KEUTAMAAN**		a) Diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya; b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lapan (8) tahun dalam bidang berkaitan korporat dan komersial. Pengalaman bekerja dalam litigasi akan menjadi kelebihan tambahan; c) Mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai undang-undang korporat dan komersial, sivil dan undang-undang harta intelek serta memiliki rangkaian hubungan yang luas; d) Memiliki sifat keyakinan yang tinggi, kemahiran interpersonal yang baik serta integriti yang cemerlang; dan e) Mampu bekerja secara berdikari dalam pengawasan yang minima
v.	**DESKRIPSI TUGAS**	**:**	a) Bertanggungjawab menjalankan semua tugas perundangan melibatkan nasihat perundangan, semakan dan penggubalan undang-undang berkaitan Akta LGM, pendakwaan, menyelaras dan berhubung dengan peguam yang dilantik bagi tindakan guaman di Mahkamah dan hal ehwal antarabangsa di LGM; b) Menyediakan dan menyemak kontrak, perjanjian dan semua dokumen perundangan; c) Menjalankan penyelidikan perundangan dan menguatkuasa semua akta, peraturan dan undang-undang berkaitan industri getah; d) Memberikan pandangan dan nasihat mengenai isu berkaitan dengan dasar dan perundangan di LGM; e) Mengurus dan mengendalikan aspek berkaitan harta intelek; dan f) Melaksanakan tugasan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

vi.	**PAUTAN PERMOHONAN**	**:**	**https://forms.cloud.microsoft/r/FkZtpBhZGk** **ATAU**

JAWATAN 2

JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	ELAUN	KEPERLUAN BIDANG	LOKASI
Penolong Jurutera Gred JA5	Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,650.00 Maks : RM6,620.00	RM 810.00	- Kejuruteraan Elektrikal - Kejuruteraan Elektronik - Kejuruteraan Mekatronik	- Lembah Klang (Kuala Lumpur / Sg. Buloh, Selangor)

i.	**SYARAT LANTIKAN**	**:**	a) **Sijil Kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau b) **Diploma Kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00)
ii.	**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**	**:**	Calon hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM.
iii.	**KEPERLUAN TAMBAHAN**		a) Keutamaan diberikan kepada calon yang : i. Memiliki PNGK sekurang-kurangnya 3.00; ii. Mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Inggeris, Matematik dan salah satu subjek berkaitan Sains pada peringkat SPM; dan b) Hanya calon yang telah memperoleh Sijil/Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf dan disahkan oleh senat/jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan sahaja layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.
iv.	**DESKRIPSI TUGAS**	**:**	a) Bertanggungjawab mengurus dan menyelenggara fasiliti makmal bagi memastikan aktiviti pengujian dan kalibrasi serta penyelidikan dilaksanakan secara efisien; b) Melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan makmal; c) Membantu merancang, merangka, menyemak, memantau, menilai, membangunkan, melaksanakan semua aktiviti di makmal termasuk penyelidikan, pengurusan aset dan keselamatan bagi memastikan pengoperasian makmal yang cekap dan berkesan; d) Membantu penyediaan dokumen kewangan, laporan makmal, SOP kerja, dokumen keselamatan dan rekod penyenggaraan bagi memastikan maklumat makmal dikawal secara sistematik; dan e) Melaksanakan tugasan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
v.	**PAUTAN PERMOHONAN**	**:**	**https://forms.cloud.microsoft/r/yL90bUsnfY** **ATAU**

JAWATAN 3

JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	ELAUN	KEPERLUAN BIDANG	LOKASI
Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q5	Tetap / Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,650.00 Maks : RM6,620.00	RM 810.00	- Penyelidikan dan Pembangunan	- Lembah Klang (Kuala Lumpur / Sg. Buloh, Selangor) - Sik, Kedah - Bukit Ibam, Pahang - Kota Tinggi, Johor

i.	**SYARAT LANTIKAN**	**:**	a) **Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau salah satu subjek sains. (Gaji permulaan Q5: RM1,650.00); atau b) **Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **dalam jurusan Sains atau aliran Teknikal** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan Q5: RM1,650.00); atau c) **Sijil** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan Q5: RM1,650.00); atau d) **Sijil Pertanian** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan Q5: RM1,650.00); atau e) **Diploma Sains** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan Q5: RM1,974.00) ; atau f) **Diploma Kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan Q5: RM1,974.00).
ii.	**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**	**:**	Calon hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM.
iii.	**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**	**:**	Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan: a) Memenuhi syarat lantikan (i); atau b) Lulus Peperiksaan Khas; dan c) Had umur pelantikan: i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

			berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun
iv.	**KEPERLUAN TAMBAHAN**	**:**	a) Keutamaan diberikan kepada calon yang : i. Memiliki sekurang-kurangnya Sijil/Diploma dalam bidang yang diperlukan dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.00; ii. Mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Inggeris, Matematik dan salah satu subjek berkaitan Sains pada peringkat SPM; dan Hanya calon yang telah memperoleh Sijil/Diploma yang diiktiraf dan disahkan oleh senat/jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan sahaja layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.
v.	**DESKRIPSI TUGAS**	**:**	a) Bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan memantau aktiviti penilaian pematuhan yang berkaitan; b) Membantu merancang dan melaksanakan penyelidikan asas berkaitan industri getah; c) Membantu merancang dan melaksanakan aktiviti pemindahan teknologi, khidmat kepakaran dan khidmat nasihat teknikal kepada pihak yang berkepentingan; dan d) Melaksanakan tugasan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa
vi.	**PAUTAN PERMOHONAN**	**:**	**https://forms.cloud.microsoft/r/MQ3D3cZ8tg** **ATAU**

JAWATAN 4

JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	ELAUN	KEPERLUAN BIDANG	LOKASI
Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W1	Tetap	Min : RM1,500.00 Maks : RM4,680.00	RM 765.00	- Akaun dan Kewangan	-Kuala Lumpur

i.	**SYARAT LANTIKAN**	**:**	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,500.00); atau b) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00); atau c) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,561.00); atau d) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00); atau e) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W1: RM1,622.00).
ii.	**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**	**:**	Calon hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM.
iii.	**KEPERLUAN TAMBAHAN**	**:**	Keutamaan diberikan kepada calon yang mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Matematik pada peringkat SPM.
iv.	**DESKRIPSI TUGAS**	**:**	a) Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman; dan b) Melaksanakan tugasan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
v.	**PAUTAN PERMOHONAN**	**:**	**https://forms.cloud.microsoft/r/mXpYrGtmd6** **ATAU**

JAWATAN 5

JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	ELAUN	KEPERLUAN BIDANG	LOKASI
Pembantu Khidmat Am Gred H1	Tetap/ Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,500.00 Maks : RM4,680.00	RM 715.00 - RM 750.00	- Penyelenggaraan Ladang - Penorehan Pokok Getah	- Jasin, Melaka - Sg. Sari, Kedah - Sik, Kedah - Bukit Ibam, Pahang - Kota Tinggi, Johor

i	**SYARAT LANTIKAN**	**:**	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: 1. Mempunya **Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia:** a) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau b) **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau c) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau d) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00) **ATAU** 2. Tamat tingkatan tiga (3) sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; **ATAU** 3. Tamat darjah enam (6) sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; **DAN** 4. Berkebolehan menjalankan bidang kerja seperti yang ditetapkan; **DAN** 5. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
ii	**DESKRIPSI TUGAS**	**:**	a) Melaksanakan kerja-kerja penorehan pokok getah, penyelenggaran tanaman termasuk cantasan dahan, kawalan rumpai dan pembajaan secara berjadual; dan b) Melaksanakan tugasan yang diarahkan dari semasa ke semasa.

iii	**PAUTAN PERMOHONAN**	**:**	**https://forms.cloud.microsoft/r/NQ5ekj7kHn** **ATAU**

No. Rujukan LGM : Bil. 14/2026 **LAMPIRAN A**

JAWATAN 6

JAWATAN DAN GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI	ELAUN	BIDANG	LOKASI
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N1	Kontrak tidak berwaran (*Contract of Service*)	Min : RM1,500.00 Maks : RM4,680.00	RM 715.00	- Pentadbiran dan Sokongan	- Kluang, Johor - Sg. Petani, Kedah

i.	**SYARAT LANTIKAN**	**:**	Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau b) **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau c) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau d) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan **Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00)
ii.	**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**	**:**	Calon hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/SVM.
iii.	**KEPERLUAN TAMBAHAN**	**:**	Keutamaan diberikan kepada calon yang mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Matematik pada peringkat SPM.
iv.	**DESKRIPSI TUGAS**	**:**	a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (namun tidak terhad) tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi, aset dan perolehan ; dan b) Melaksanakan tugasan lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.
v.	**PAUTAN PERMOHONAN**	**:**	**https://forms.cloud.microsoft/r/pHZFpBrRAw** **ATAU**